

29 MAY 2003

Mahathir-Huhtala/I

M'SIA AKAN TERUS MENYUARAKAN PANDANGANNYA TANPA RASA TAKUT

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya tanpa rasa takut atau pilih kasih walaupun beberapa negara mungkin berasa kurang senang dengan tindakannya itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Kita akan menyuarakan apa yang benar. Kita perlu menyuarakan apa yang kita percaya adalah benar."

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai kata-kata Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T. Huhtala, bahawa hubungan antara negara-negara Asia Tenggara dengan Amerika Syarikat akan terjejas jika pemimpin-pemimpinnya terus mengkritik ada kalanya secara keterlaluan dasar luar Washington.

Duta Amerika itu berkata demikian dalam ucapannya di sebuah forum perniagaan pada Jumaat lepas dan disiarkan di laman web kedutaan itu semalam. Bagaimanapun, kenyataan Huhtala itu tidak ditujukan khusus terhadap Malaysia ataupun Dr Mahathir.

Beliau juga dipetik sebagai berkata ulasan seperti itu oleh para pemimpin tidak membantu dalam apa carapun dan pastinya akan membawa kesan buruk terhadap hubungan antara kedua-dua pihak.

Huhtala juga menyeru supaya hubungan dipulihkan seperti pada tahap setahun yang lepas.

Malaysia seringkali menyuarakan dengan lantang kekecewaannya terhadap dasar luar Amerika khususnya dalam tindakan unilateral yang diambil oleh negara itu untuk menceroboh Iraq pada Mac lepas.

Diminta mengulas lanjut mengenai kemungkinan tindakbalas oleh Washington yang boleh menjejaskan perdagangan Malaysia-Amerika kerana pendirian tegasnya terhadap pencerobohan Amerika yang diketuai oleh Iraq, Dr Mahathir berkata:

"Saya percaya Amerika menghormati kebebasan untuk bersuara, yang bermakna adakalanya anda mendengar pendapat yang anda suka, dan ada kalanya pendapat yang anda tidak suka."

Ini juga berlaku pada Malaysia dengan ia pernah dikritik oleh mereka yang lain dengan kritikan itu pula sangat tidak adil, tetapi "kami menerimanya", tegas Dr Mahathir.

"Saya tidak tahu mengenai pendirian tegas yang dimaksudkan itu tetapi kita sentiasa berpendirian yang kita akan bercakap apa yang benar, kita akan menyuarakan pandangan kita mengikut apa yang kita berpendapat.

"Kita tidak akan menyembunyikan sesuatu kerana itu tiada guna kepada sesiapa," kata beliau.

Respons daripada Dr Mahathir datang sehari sebelum beliau bertolak ke Lausanne, Switzerland, untuk menghadiri "Dialog Tidak Rasmi Sidang Kemuncak G8 Bersama Bukan Anggota pada 1 Jun, 2003, iaitu sehari sebelum sidang kemuncak kumpulan negara-negara maju G8 di Evian, Perancis.

Sidang kemuncak itu juga akan dihadiri oleh Presiden Amerika George W. Bush dan Perdana Menteri Britain Tony Blair.

Amerika dan Britain, yang mengetuai serangan terhadap Iraq, dibidas oleh masyarakat antarabangsa yang beranggapan perang itu adalah tidak sah dan alasan Presiden Iraq Saddam Hussein memiliki senjata kemusnahan sejagat adalah tidak berasas.

Sehingga ini Saddam dan senjata kemusnahan sejagat itu masih belum ditemui.

Dr Mahathir berkata hubungan perdagangan Malaysia-Amerika adalah

"sangat baik" dan tidak terjejas kerana pandangan kritikal kerajaan Malaysia.

Bagaimanapun, beliau berkata Amerika, rakan perdagangan terbesar Malaysia kini tidak banyak membeli barangan dari Malaysia kerana masalah ekonomi di negara itu.

"Selain itu, hubungan antara perniagaan di kedua-dua negara adalah baik," katanya.

Kepada kemungkinan Malaysia tidak lagi lantang atau kritikal dalam isu-isu antarabangsa di masa depan, beliau berkata:

"Anda tersilap mengenai Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana beliau mempunyai pendirian yang sama dan anda perlu ingat pendirian saya ialah pendirian kerajaan dan pendirian Kabinet."

Dr Mahathir menekankan beliau tidak mengambil pendirian sendiri yang ada kalanya boleh berbeza dengan pendirian kerajaan dan Kabinet.

Oleh sebab itu, Dr Mahathir berkata Abdullah yang akan menggantikannya "juga akan terikat dengan pandangan kerajaan dan Kabinet."

-- BERNAMA

SM MR KHY PR